



KM TO RM Challenge 2026 Alliance Bank

Terma dan Syarat

1. "Alliance Bank KM TO RM Challenge 2026" ("**Kempen**") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad ("Bank") dan disokongkan oleh Neupulse Sdn Bhd (BiiB). Kempen ini akan berlangsung dari **1 Ogos 2026 hingga 31 Oktober 2026**, termasuk kedua-dua tarikh, melainkan dinyatakan sebaliknya ("**Tempoh Kempen**").
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) diingatkan untuk membaca dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini serta bersetuju untuk terikat dengannya.
3. Pelanggan baharu dan sedia ada Alliance Bank yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan di sini akan dirujuk secara kolektif sebagai "**Pelanggan Layak**". Walau apa pun perkara di atas, individu berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - a) Pelanggan yang akaun mereka dengan Bank adalah tidak aktif atau dorman atau telah melanggar mana-mana perjanjian dengan Bank; atau
 - b) Pelanggan yang akaun mereka dengan Bank dikendalikan secara tidak memuaskan menurut dasar dalaman Bank; atau
Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan menurut dasar dalaman Bank.

Mekanisme Kempen

4. Untuk layak menerima Kadar Bonus dan Ganjaran seperti yang dinyatakan dalam **Jadual A ("Kadar Bonus")** dan/atau **Jadual B (Ganjaran Cabutan Hadiah)**, Pelanggan Layak mesti memenuhi kriteria kelayakan dan memastikan perkara berikut dipenuhi:
 - a) Memiliki atau membuka **Alliance Bank Basic Savings Account/-i ("Akaun Layak")** sepanjang Tempoh Kempen; dan
 - i. Bagi Pelanggan Baharu kepada Alliance Bank atau Pelanggan Sedia Ada Alliance Bank tanpa sebarang akaun semasa/-i atau akaun simpanan/-i (CASA/-i), pembukaan akaun boleh dilakukan melalui eKYC dengan menggunakan **kod jemputan "kmtorm"** atau di mana-mana cawangan Bank;
 - ii. Bagi Pelanggan Sedia Ada Alliance Bank yang mempunyai CASA/-i selain Basic Savings Account/-i, pembukaan akaun hanya boleh dilakukan di cawangan Bank.
 - b) Berjaya mendaftar untuk Kempen melalui pautan berikut (<https://getBiiB.com/events/1700>) sepanjang Tempoh Kempen dan memberikan nombor Akaun Layak seperti yang diperlukan semasa pendaftaran; dan
 - i. Kempen ini terhad kepada 1,200 pendaftaran layak pertama sahaja, berdasarkan konsep siapa cepat dia dapat.
 - c) Memuat turun aplikasi mudah alih BiiB untuk menyelaraskan aktiviti larian daripada aplikasi penjejakan yang disokong oleh BiiB, atau menghantar secara manual sebelum tamat Tempoh Kempen.

4.1 Jadual A: Kadar Bonus

Bulan	Cabaran	Kadar Bonus (% p.a.)	Kadar Asas (% p.a.)	Kadar Promosi (% p.a.)	Kriteria Kelayakan
Ogos 2026	Tahap 1: 15 days x 3KM	1.75%	0.75%	2.50%	<ul style="list-style-type: none"> • Berjaya melengkapkan cabaran bulanan yang berkaitan, seperti yang direkod, disahkan dan

Sep 2026	Tahap 2: 12 days x 5KM	2.55%	0.75%	3.30%	diterima oleh platform BiiB; dan <ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan Baki Purata Bulanan ("MAB") minimum RM500 dalam Akaun Layak untuk bulan kelayakan tersebut.
Okt 2026	Tahap 3: 10 days x 10KM	3.35%	0.75%	4.10%	

4.2.1 Kadar Bonus hanya akan diberikan bagi bulan yang mana Pelanggan Layak melengkapkan cabaran yang berkaitan.

4.2.2 Kadar Bonus yang digunakan akan ditentukan berdasarkan tahap tertinggi yang dicapai sepanjang Tempoh Kempen.

Ilustrasi di bawah menunjukkan contoh bagaimana Kadar Bonus dan Bulan ditentukan:

Bulan	Ogos 2026	Sep 2026	Okt 2026		
Cabaran	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 3		
Kadar Bonus (% setahun)	1.75%	2.55%	3.35%	Tahap Tertinggi Dicapai	Kadar Bonus Digunakan ke atas Net Incremental MAB*
Pelanggan A	✗	✗	✓	Tahap 3	3.35% setahun digunakan pada bulan Oktober sahaja
Pelanggan B	✓	✗	✓	Tahap 3	3.35% setahun digunakan pada bulan Ogos & Oktober sahaja
Pelanggan C	✓	✓	✓	Tahap 3	3.35% setahun digunakan bagi ketiga-tiga bulan
Pelanggan D	✓	✗	✗	Tahap 1	1.75% setahun digunakan pada bulan Ogos sahaja
Pelanggan E	✗	✓	✗	Tahap 2	2.55% setahun digunakan pada bulan September sahaja

*Tertakluk kepada MAB minimum RM500 dalam Akaun Layak.

4.2.3 Kadar Bonus dikenakan sehingga maksimum RM300,000 Net Incremental MAB, dikira pada tahap pelanggan, di mana MAB asas adalah bagi bulan Julai ("Bulan Asas").

MAB = Jumlah baki akhir harian bagi setiap hari dalam Bulan Penyertaan ÷ Bilangan hari dalam Bulan Penyertaan
--

Bagi mengelakkan keraguan:

- Bagi pelanggan baharu ke Bank dan baharu ke CASA, MAB Akaun Simpanan Asas/-i akan dianggap sebagai net incremental MAB;
- Bagi pelanggan sedia ada:

- o Jika incremental MAB semua CASA/-i (tidak termasuk Akaun Simpanan Asas/-i, Akaun SaveLink/ FlexLink, Dagangan Saham, Akaun Mata Wang Asing dan Pembiayaan Margin Saham) adalah positif atau sifar, MAB Akaun Simpanan Asas/-i akan dianggap sebagai net incremental MAB;
- o Jika incremental MAB semua CASA/-i (tidak termasuk Akaun Simpanan Asas/-i, Akaun SaveLink/ FlexLink, Dagangan Saham, Akaun Mata Wang Asing dan Pembiayaan Margin Saham) adalah negatif, maka:

Net Incremental MAB = MAB Akaun Simpanan Asas/-i – pengurangan mutlak dalam MAB CASA/-i lain

Ilustrasi di bawah menunjukkan contoh bagaimana Net Incremental MAB dikira:

Senario	MAB CASA/-i Lain	Increment vs Bulan Asas	MAB Akaun Simpanan Asas/-i	Increment vs Bulan Asas	Net Incremental MAB untuk Kadar Bonus
1	Jul: RM0 Ogos: RM5,000	+RM5,000	Jul: RM0 Aug: RM15,000	+RM15,000	RM15,000
2	Jul: RM10,000 Ogos: RM10,000	RM0	Jul: RM0 Aug: RM15,000	+RM15,000	RM15,000
3	Jul: RM10,000 Ogos: RM8,000	-RM2,000	Jul: RM20,000 Aug: RM15,000	-RM5,000	-RM7,000 (Tiada Kadar Bonus)
4	Jul: RM10,000 Ogos: RM5,000	-RM5,000	Jul: RM5,000 Aug: RM15,000	+RM10,000	RM5,000

- 4.2.4 Kadar Bonus akan dikreditkan ke dalam Akaun Layak dalam tempoh **lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Kempen**.

Kadar Bonus = Amaun Layak × Kadar (R) × Tempoh (T)

Nota:

Amaun Layak = Net Incremental MAB dalam Akaun Layak

Kadar (R) = Kadar Bonus seperti dinyatakan dalam Jadual A di atas

Tempoh (T) = Bilangan hari dibahagi dengan 365 hari setahun

Ilustrasi di bawah menunjukkan contoh bagaimana Kadar Bonus dikira:

- i. Pelanggan C: Melengkapkan semua cabaran bagi 3 tahap pada bulan Ogos, September dan Oktober seperti dinyatakan dalam Jadual A di atas.

Bulan	Net Incremental MAB	Pengiraan Kadar Bonus
Ogos 26	RM10,000	RM10,000 x 3.35% x 31/365 = RM28.45
September 2026	RM100,000	RM100,000 x 3.35% x 30/365 = RM275.34
Oktober 2026	RM400,000	RM300,000 x 3.35% x 31/365 = RM853.56

Jumlah Kadar Bonus bagi 3 Bulan	RM1,157.36
--	-------------------

- ii. Pelanggan E: Hanya melengkapkan cabaran Tahap 2 pada bulan September seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di atas.

Bulan	Net Incremental MAB	Pengiraan Kadar Bonus
Ogos 26	RM10,000	N/A
September 2026	RM100,000	$RM100,000 \times 2.55\% \times 30/365 = RM209.59$
Oktober 2026	RM400,000	N/A
Jumlah Kadar Bonus bagi 3 Bulan		RM209.59

Nota:

- Sekiranya cabaran tidak berjaya diselesaikan dan/atau MAB minimum tidak dipenuhi, Pelanggan Layak hanya akan memperoleh kadar asas semasa bagi mana-mana bulan sepanjang Tempoh Kempen.
- Kadar Asas yang terpakai bagi Akaun Layak ialah 0.75% setahun (setakat 1 Julai 2026) dan akan dibayar secara setengah tahunan pada hari terakhir bulan Jun dan Disember, menurut Terma dan Syarat Umum bagi Akaun Deposit yang terdapat di laman web Bank (https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Banking/Deposits_Terms_Conditions_ENG.pdf).
- Kadar asas adalah tertakluk kepada perubahan, dan sekiranya Kadar Dasar Semalaman ("OPR") berubah, notis akan diterbitkan di laman web Bank di www.alliancebank.com.my. Untuk maklumat lanjut mengenai kadar asas yang berkenaan serta terma dan syarat khusus produk, sila rujuk laman web rasmi Alliance Bank.

4.2 Jadual B: Ganjaran Cabutan Hadiah

Kategori Hadiah	Ganjaran	Kriteria Kelayakan:
Hadiah Utama (1 Pemenang)	Garmin Forerunner 970 worth RM3,269	<ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan semua tiga (3) cabaran bulanan yang direkod, disahkan dan diterima oleh platform BiiB; dan • Mengekalkan MAB minimum RM500 bagi ketiga-tiga bulan sepanjang Tempoh Kempen.
Hadiah Kedua (2 Pemenang)	Garmin Forerunner 570 worth RM2,399	
Hadiah Ketiga (3 Pemenang)	Garmin Forerunner 265 worth RM2,220	
Hadiah Saguhati (10 Pemenang)	RM300 Kad Hadiah JD Sports	<ul style="list-style-type: none"> • Berjaya melengkapkan sekurang-kurangnya satu (1) peringkat cabaran larian bulanan, sebagaimana direkodkan, disahkan dan diterima melalui platform BiiB; dan • Mengekalkan Baki Purata Bulanan Minimum ("MAB") sebanyak RM500 dalam Akaun Layak bagi bulan

		kelayakan yang berkenaan.
--	--	---------------------------

Pemenuhan

5. Akaun Layak mestilah sah dan aktif seperti yang ditentukan oleh Bank menurut dasar dalam Bank untuk melayakkan diri bagi Kadar Bonus dan Ganjaran Cabutan Hadiah. Sekiranya Pelanggan Layak menutup Akaun Layak atas apa-apa sebab semasa Tempoh Pemenuhan, Kadar Bonus dan Ganjaran Cabutan Hadiah akan terbatal serta-merta.
6. Pembayaran Kadar Bonus dalam Jadual A akan dikreditkan ke dalam Akaun Layak dalam tempoh lapan (8) minggu dari tarikh tamat Kempen ("Tempoh Pemenuhan").
7. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau pelarasan yang diperlukan berkaitan pembayaran Kadar Bonus, Bank berhak untuk membuat pelarasan yang sewajarnya dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari bulan pembayaran. Ini termasuk sebarang Kadar Bonus tambahan yang mungkin telah dikreditkan ke dalam akaun pelanggan secara tersilap atau yang perlu dibatalkan. Dalam keadaan sedemikian, Bank berhak untuk mendebit jumlah yang berkenaan daripada akaun pelanggan.
8. Pemenang Kempen bagi Jadual B akan dimaklumkan selewat-lewatnya pada 15 Januari 2027. Penyerahan Hadiah Utama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati akan diselesaikan dalam tempoh lapan (8) minggu dari 15 Januari 2027, dan sebarang pertikaian selepas tempoh yang dinyatakan tidak akan dilayan.
9. Hadiah Utama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga dan Hadiah Saguhati bagi Ganjaran Cabutan Hadiah akan dihantar ke alamat surat-menyurat tersebut kepada Pemenang Kempen. Pemenang Kempen bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang perlu bagi menebus Ganjaran. Syarikat/vendor perkhidmatan kurier berdaftar akan merekodkan bukti penghantaran dan pengesahan penerimaan untuk tujuan rekod Bank. Bank tidak akan menanggung sebarang kos pemenuhan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung oleh Pemenang Kempen dalam proses menebus dan/atau menggunakan hadiah tersebut.
10. Proses pemilihan pemenang bagi Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga adalah seperti berikut:
 - a) Selepas memenuhi kelayakan, Pelanggan Layak akan disenarai pendek secara dalaman melalui cabutan pilihan rawak ("Random Selection") yang dijana komputer yang menetapkan nombor rawak kepada senarai kelayakan Pelanggan Layak.
 - b) Pelanggan Layak yang disenarai pendek bagi Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga akan dihubungi oleh Bank pada bila-bila masa dalam waktu pejabat dan dikehendaki menjalani pengesahan identiti serta menjawab satu soalan mudah berkaitan Kempen untuk menerima Ganjaran. Pelanggan Layak yang berjaya mengesahkan identiti dan menjawab soalan dengan betul akan dianggap sebagai pemenang ("Pemenang").
 - c) Pelanggan Layak bagi Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga yang gagal menjawab soalan dengan betul atau tidak memberi respons kepada Bank akan dibatalkan kelayakan, dan Bank akan memilih pemenang seterusnya.
11. Semua Pemenang akan dimaklumkan oleh Bank sama ada melalui notis bertulis, panggilan telefon atau dengan menyiarkan senarai pemenang di laman web Bank.
12. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang bersetuju untuk berkongsi butiran peribadi mereka dengan vendor pemenuhan (jika ada) bagi tujuan pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemprosesan untuk tujuan Kempen ini, tanpa sebarang bayaran.
13. Bank boleh mendedahkan atau menyiarkan nama pemenang dan 4 digit terakhir nombor telefon mudah alih/nombor akaun dalam bahan media, pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Kempen ini.

14. Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Ganjaran dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai yang setara pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Ganjaran tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau bentuk lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
15. Semua Pemenang hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat mereka adalah terkini dan dikemas kini dengan Bank. Pemenuhan dan/atau pemberitahuan dan/atau penghantaran Ganjaran akan dibuat berdasarkan nombor telefon dan alamat surat-menyurat setiap Pemenang yang direkodkan dengan Bank. Pemenuhan Ganjaran hanya sah bagi alamat surat-menyurat yang berada di dalam Malaysia dan tidak sah bagi alamat di luar Malaysia dan/atau alamat Peti Surat (P.O. Box). Pemenang yang mempunyai alamat surat-menyurat di luar Malaysia dan/atau alamat Peti Surat dikehendaki menghubungi Bank dan memberikan alamat surat-menyurat yang bukan Peti Surat serta beralamat di Malaysia dalam Tempoh Kempen.
16. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan untuk penghantaran Ganjaran ke mana-mana alamat di luar negara, pihak ketiga dan/atau alamat Peti Surat (P.O. Box).
17. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Ganjaran yang tidak dapat dipenuhi dalam Tempoh Pemenuhan sekiranya terdapat maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap diberikan oleh Pelanggan Layak. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah tepat bagi tujuan pemenuhan. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesesakan trafik atau capaian internet yang terhad.

Terma dan Syarat Lain

18. Bagi akaun bersama, hanya pemegang akaun utama layak untuk menyertai Kempen ini. Semua pendaftaran kempen, penjejakan aktiviti dan pengiraan ganjaran/faedah akan dibuat berdasarkan pemegang akaun utama sahaja, dan hanya pencapaian pemegang akaun utama akan diiktiraf bagi tujuan Kempen ini.
19. Penyertaan dalam Kempen ini adalah tertakluk kepada peraturan, keperluan dan kriteria pengesahan yang ditetapkan oleh platform BiiB, termasuk tetapi tidak terhad kepada garis panduan aktiviti larian yang layak, kaedah penjejakan, muat naik manual, proses pengesahan dan pengecualian.
20. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa aktiviti larian mereka direkod, dihantar dan disahkan selaras dengan peraturan acara BiiB dan terma penggunaan yang berkenaan, dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan untuk layak akibat ketidakpatuhan kepada peraturan tersebut.
21. Bank berhak untuk bergantung kepada rekod, pengesahan dan penentuan yang dibuat melalui platform BiiB bagi tujuan menilai penyempurnaan cabaran, dan penentuan tersebut adalah muktamad dan konklusif.
22. Bank berhak untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi Bank.
23. Pelanggan Layak mengakui dan bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi keperluan dokumentasi dan maklumat selaras dengan Terma dan Syarat Kempen ini akan menyebabkan Pelanggan Layak kehilangan hak untuk menerima Kadar Bonus dan Ganjaran tanpa sebarang liabiliti terhadap Bank.
24. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk menerima komunikasi pemasaran langsung atau panggilan berhubung dengan Kempen ini.

25. Sekiranya Pelanggan Yang Layak telah mengambil bahagian dalam beberapa kempen atau promosi pada masa yang sama, Pelanggan Yang Layak hanya mempunyai kelayakan untuk menerima Ganjaran di bawah salah satu daripada kempen atau promosi yang mengambil bahagian. Bank berhak memutuskan kempen atau promosi mana yang terpakai untuk Pelanggan Yang Layak berkenaan.
26. Pelanggan Yang Layak bertanggungjawab menjelaskan sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan mana-mana Ganjaran. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana Ganjaran tersebut dan/atau kegagalan untuk menunaikannya oleh mana-mana ejen/pembekal/pengedarnya.
27. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak apabila berlaku penggunaan Ganjaran oleh mana-mana individu tanpa kebenaran Pelanggan Yang Layak.
28. Terma dan Syarat Kempen ini merupakan tambahan tanpa menjejaskan mana-mana terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir atau mengawal atur pengoperasian dan/atau pengendalian Akaun Yang Layak atau sebaliknya.
29. Pelanggan Yang Layak selanjutnya bersetuju untuk memberikan kerjasama dan mengakuri permintaan Bank bagi tujuan penganjuran, promosi dan pelaksanaan Kempen ini.
30. Bank boleh membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang melanggar Terma dan Syarat ini. Semua keputusan kehilangan kelayakan hendaklah berdasarkan kriteria yang didokumenkan dan tertakluk kepada semakan dalaman untuk memastikan konsistensi dan keadilan.
31. Segala keputusan yang dibuat oleh Bank berkenaan Kempen ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan, dan sebarang rayuan, surat-menyurat atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.
32. Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat Kempen ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalaman Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu, dan Pelanggan Yang Layak menerusi penyertaannya dalam Kempen ini telah bersetuju dan menerima sepenuhnya penambahan, pengeluaran, variasi dan/atau pindaan tersebut. Untuk mendapatkan versi Terma dan Syarat Kempen yang telah dikemas kini, sila layari www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten antara Terma yang terkandung di sini dan versi yang dikemas kini, versi yang kemudian akan diterima pakai tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten tersebut sahaja.
33. Sekiranya terdapat sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen, Pelanggan Yang Layak tidak berhak atas sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dihadapi, dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut.
34. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuklah tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, ganti rugi sampingan, turutan, teladan, punitif, atau khas atau prosiding yang dibawa oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak atau pihak lain yang disebabkan oleh tindakan Pelanggan Yang Layak itu sendiri yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini.
35. Segala Terma dan Syarat Kempen termasuklah penambahan, pengeluaran, variasi dan/atau pindaan yang dibuat berkenaan dengannya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan melainkan dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten di Malaysia.

36. Pelanggan Yang Layak dengan ini memberikan persetujuan dan kebenaran sepenuhnya yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk iklan dan/atau promosi semasa dan akan datang yang terhad untuk Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pelanggan Yang Layak.
37. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak mengakui bahawa mereka telah membaca Notis dan Penyataan Prinsip Pilihan yang tersedia di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/notice-and-choice-principle-statement-personal-data-protection-act>) dan dengan ini memberikan persetujuan kepada pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemprosesan data peribadi mereka oleh Bank dan BiiB bagi tujuan mentadbir Kempen ini. Data peribadi Pelanggan Layak boleh dikongsi antara Bank dan BiiB, jika perlu, dan akan dikendalikan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (“PDPA”).
38. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpulan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
39. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

Prevention and Mitigation of Banking Fraud and Scam

40. Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.
41. Pelanggan hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan menyedari berlaku mana-mana urus niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusniaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan seperti yang tertera di atas.
42. Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka,

liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.

43. Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:
- i) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
 - ii) ii) Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau
 - iii) iii) Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;
- dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.

Note:

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Basic Savings Account-i adalah berasaskan konsep Syariah Tawarruq sahaja.